



Kami Memerlukan dan Menghargai Respons Anda

CREA rancang beraktiviti dalam beberapa bulan yang lepas! Pada 9 Mei 2018, kami menganjurkan perbincangan panel antara generasi tentang penuaan. Kumpulan pelbagai dalam kalangan sektor pemerintah, pertubuhan bukan pemerintah dan merangkumi semua kumpulan umur telah menghadiri panel awam ini. Jiaming Ju, Penolong Pengarah CREA, memperkenalkan para ahli panel dari generasi berbeza dan membuka perbincangan tentang persoalan kepercayaan mereka terhadap halangan usia. Panel awam berdiskusi dengan rancang dalam suasana terbuka.

Dengan memahami perspektif yang berlainan, kami menyedari bahawa pemupukan ikatan yang diraikan antara generasi boleh dilakukan dengan menghargai perbezaan kita. Acara ini diakhiri dengan hadirin yang beramah-tamah antara satu sama lain dan inilah yang cuba dicapai melalui kaji selidik bulanan kami!

Dari sudut akademik, CREA giat memberikan pendedahan tentang dapatan baharu dalam analisis pengalaman


golongan berusia yang unik. CREA berterima kasih atas usaha gigih anda untuk melengkapkan kaji selidik kami. Pada 4 Jun 2018, CREA mengadakan diskusi Meja Bulat Kesihatan untuk membincangkan isu perbelanjaan penjagaan kesihatan dan pembiayaan penjagaan jangka panjang. Jessica Ya Sun, Felo Penyelidikan, berkongsi pandangannya tentang pelan Medisave Top-Up 5 Tahun dan mendedahkan bahawa kurang daripada 40% individu yang layak memahami tentang manfaat mereka.

Maklumat sebegini membantu kami untuk mengenal pasti jurang pembuatan dasar dan untuk mengemukakan penyelesaian bagi memastikan bahawa keperluan warga tua Singapura boleh dipenuhi. Menjelang tahun ketiga SLP, kami ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan penghargaan ikhlas kami atas komitmen gigih anda terhadap penyelidikan penuaan Singapura semasa dan masa depan.


Sorotan Dapatan

Beberapa minggu lalu, kami bertanya tentang jangkaan anda untuk bekerja pada umur 62, 65 dan 70 tahun. Kami agak terkejut dengan dapatan bahawa mereka yang melaporkan keadaan kesihatan tidak baik mempunyai jangkaan pekerjaan masa hadapan yang sama dengan mereka yang mempunyai kesihatan yang baik. Yang lebih mengagumkan kami ialah golongan kelainan upaya yang mempunyai jangkaan pekerjaan yang sama dengan golongan tanpa kelainan upaya! Warga Singapura sememangnya bekerja keras walau apapun rintangannya.

Perbezaan kecil dalam jangkaan pekerjaan untuk peringkat kesihatan penilaian sendiri berbeza



Tiada perbezaan jangkaan pekerjaan berdasarkan kekangan ADL*



*Kekangan ADL - Kekangan Aktiviti Hidup Harian

Tempat Mesyuarat

Bishan Mind Stretcher

510 Bishan Street 13 #03-01 Singapore 570510

Bukit Merah Recovery Accountants

164 Bukit Merah Central #03-3655, Singapore 150164

Jurong East Regus Business Lounge

21 Jurong East Central 1 Jurong Regional Library Level 1, Singapore 609732

Tampines NTUC Income Building

300 Tampines Avenue 5 Level 9 Tampines Junction, Singapore 529653

Sembawang Just Edu Learning Centre

30 Sembawang Drive #04-04 Sun Plaza, Singapore 757713

Kerahsiaan dan Privasi Anda

Kami mengendalikan maklumat yang anda kemukakan kepada kami dengan kepercayaan paling teguh dan pematuhan sepenuhnya terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2012 (PDPA) di bawah undang-undang Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi Singapura.



Tarikh Kaji Selidik

- **Kaji Selidik Bulan November: 1–25 November 2018**
- **Kaji Selidik Bulan Disember: 1–23 Disember 2018**
- **Kaji Selidik Bulan Januari: 1–27 Januari 2019**

Hubungi Kami

Jika anda telah bertukar alamat atau nombor telefon anda, jika anda memerlukan apa-apa bentuk bantuan untuk melengkapkan kaji selidik, atau jika anda mempunyai apa-apa soalan atau maklum balas, sila hubungi kami melalui Talian Utama di **6808 7910** (9 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat) atau melalui e-mel di slp@smu.edu.sg. Kami mengalu-alukan panggilan atau maklum balas anda.